

23/01/2003

SPR mula buat persiapan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memanggil semua pegawai pilihan raya negeri bermesyuarat sebagai persiapan awal menghadapi pilihan raya umum ke-11 akan datang.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Pilihan Raya itu diadakan di Shah Alam kelmarin yang dipengerusikan Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad

Wan Omar dan turut dihadiri pegawai kanan ibu pejabatnya.

Wan Ahmad ketika dihubungi semalam berkata, mesyuarat itu sebagai persediaan awal meskipun pihaknya belum mengetahui bila Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri akan dibubar bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan.

"Kita terpaksa buat persiapan ini lebih awal kerana SPR tidak boleh tunggu hingga saat akhir untuk berbuat demikian. Soal pilihan raya adalah perkara berat yang perlu dirancang dengan rapi serta teliti.

"Kita tidak tahu bila pilihan raya akan diadakan tetapi tempoh kerajaan sekarang akan hanya berakhir pada Disember 2004. Kita ada 22 bulan lagi, tetapi SPR sudah menyiapkan diri," katanya.

Ura-ura mengenai kemungkinan pilihan raya umum diadakan tahun ini tersebar luas terutama selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rombakan kepemimpinan Umno Kelantan, minggu lalu.

Ditanya sama ada SPR sudah mendapat "petunjuk" mengenai kemungkinan pilihan raya umum diadakan sebelum Oktober ini, Wan Ahmad berkata, perkara itu tidak timbul.

"Tidak ada (petunjuk). Kita buat persiapan awal bukan kerana ada spekulasi mengenai pilihan raya. Pada pilihan raya umum 1999, SPR mengadakan persiapan 16 bulan lebih awal," katanya.

Malah katanya, mesyuarat persiapan itu penting kerana kebanyakan pegawai pilihan raya negeri adalah orang baru yang belum ada pengalaman mengendalikan urusan pilihan raya.

Mengenai tambahan 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi Dewan Undangan Negeri yang baru, Wan Ahmad berkata ia boleh dipertandingkan seawal-awalnya Julai ini.

Sementara itu, Wan Ahmad dalam satu kenyataan semalam berkata, Rang Daftar Pemilih Tambahan bagi suku keempat 2002 dipamerkan di seluruh negara mulai hari ini hingga 29 Januari ini.

Sebanyak 1,036 tempat pameran ditetapkan iaitu di ibu pejabat SPR, semua pejabat Pilihan Raya Negeri, Kompleks Jabatan Kerajaan, Pejabat Daerah, majlis-majlis tempatan, pejabat pos dan tempat lain yang diwartakan.